

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SISTEM MERIT

1. Setiap permohonan aktiviti pelajar oleh Badan Pelajar perlu melalui *System Activity Application*, secara automatik layak dinilai untuk menerima merit berdasarkan 8 teras Pembangunan Mahasiswa kecuali dari teras lain-lain.
2. Pihak pentadbiran sistem iaitu Unit Aktiviti & Badan Pelajar akan membuat penilaian aktiviti tersebut berdasarkan pelaporan lengkap selepas menjalankan aktiviti yang telah dihantar.
2. Setiausaha Badan Pelajar yang berstatus aktif sahaja yang layak memasukkan data merit bagi program anjuran Badan Pelajar tersebut.
3. Aktiviti yang tidak melalui *System Activity Application* perlu mengemukakan Surat Permohonan Merit kepada Timbalan Naib Canselor, HEPA. Surat permohonan ini perlu disertakan dokumen sokongan.
4. Pemohon perlulah mengemukakan permohonan selewat-lewatnya 7 hari bekerja sebelum tarikh program.
5. Berikut adalah keterangan bagi permohonan yang telah diluluskan :

Penganjur	Keterangan
Badan Pelajar	Setiausaha yang telah diaktifkan untuk memasukkan data.
Pusat Tanggungjawab	Pemohon boleh menamakan mana-mana kakitangan PTJ tersebut untuk diaktifkan bagi kemasukan data ke <i>System Merit</i> . Tempoh kemasukan data merit hanyalah 14 hari bekerja mengikut tarikh surat kelulusan permohonan.
Program Jemputan	Data merit akan dimasukkan oleh Unit Aktiviti & Badan Pelajar.

6. Unit Aktiviti & Badan Pelajar hanya akan menyediakan capaian System Merit jika bilangan peserta melebihi tiga ratus (300) orang peserta. Keperluan bagi kaunter System Merit adalah dibawah pengurusan penganjur program.
7. Permohonan yang tidak mengikut peraturan (1 – 6) tidak akan diambil kira.
8. Unit Aktiviti & Badan Pelajar akan mengenakan serta menguatkuasakan mana-mana syarat dan peraturan lain yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa.